

Kita terima kedatangan sesiapa saja — PM UM - 8 MAY 2000

KUALA LUMPUR 7 Mei — Malaysia akan menerima sesiapa sahaja untuk datang ke negara ini sejajar dengan dasar terbuka negara dalam soal tersebut, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurutnya, dasar terbuka Malaysia "merangkumi rakyat dari semua negara termasuk Bosnia dan Kosovo serta mereka yang ingin meneruskan kehidupan di sini kerana menghadapi masalah di negara mereka.

Katanya, Malaysia sentiasa mengalu-alukan kedatangan sesiapa sahaja sama ada untuk tinggal di negara ini ataupun untuk membolehkan anak-anak mereka menyambung pelajaran di sini.

"Jika mereka mahu datang ke sini, kita mengalu-alukan kedatangan mereka kerana kita mengamalkan dasar terbuka tetapi soal sama ada kita akan memberikan suaka politik atau tidak, itu terpuang (kepada Malaysia)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita selepas majlis penyampaian hadiah Larian Piala Thomas/Uber 2000 dan penyerahan sumbangan penaja kejohanan badminton itu di Dataran Merdeka, hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas status isteri dan anak perempuan Presiden Chechnya yang tiba di negara ini pagi ini menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dari Ankara, Turki.

Kussama Maskhadova dan anaknya, Fatima, 15, menaiki pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) pada pukul 1.40 pecangwaktu Ankara, di bawah kawalan keselamatan yang ketat.

Presiden Chechnya, Aslan Mushkadov, tidak turut serta kerana masih menyembunyikan diri di selatan Chechnya.

Dr. Mahathir menjelaskan bahawa setiap tindakan Malaysia menerima mereka yang menghadapi masalah di negara asal mereka adalah atas dasar kemanusiaan.

"Tidak ada (motif) politik terlibat dalam perkara ini," tegasnya.